



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA  
ISNIN , 26 FEBRUARI 2018**

1. 3,500 MOHON GERAN IKC, DALAM NEGERI – UM, 9
2. 3,500 MOHON GERAN IKC – UTUSAN, ONLINE
3. LKIM MAHU LUASKAN PASARAN IKAN SEJUK BEKU Q'FISH, DALAM NEGERI – UM, 9
4. LKIM AKAN PERLUASKAN JUALAN IKAN Q – FISH, SENTRAL – SH, 20
5. GOOD DISCOUNTS, NEWS – NST, 4
6. PERLUAS JUALAN, TENGAH – HM, 71
7. AGROBANK TERUS CEMERLANG, BISNES – HM, 72
8. PROGRAM JIMAT BELANJA DAPUR ANJURAN FAMA DAPAT SAMBUTAN, NEGARA – KOSMO, 18
9. KHIDMAT PENYIASATAN TANAH JABATAN PERTANIAN, VARIA – KOSMO, 27
10. MAHU MARDI TERUS RELEVAN, BISNES – SH, 1
11. FOKUS TINGKATKAN PENEYLIIDIKAN & INOVASI, BISNES – SH, 2
12. URGES PENANG GOVERNMENT TO SUPPORT AQUACULTURE BUSINESS, SUPPLEMENT – KWYP, B8
13. FEDERAL GOVT CONTINUES TO ENSURE LABUAN'S ECONOMIC GROWTH, NEWS – NST, 1
14. 'NO REPORT OF ILLEGAL FISHING, SMUGGLING IN MIRI WATERS SO FAR THIS YEAR', HOME – BORNEO POST, 2

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

26/2/2018

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

9

UTUSAN MALAYSIA • ISININ 26 FEBRUARI 2018

DALAM NEGERI 9

## 3,500 mohon geran IKC

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**  
rokiah.abdullah@utusan.com.my

■ PASIR SALAK 25 FEB.

**S**ERAMAI 3,500 usahawan tani telah memohon geran Agropreneur Muda atau Geran In-Kind Contribution (IKC) bagi tempoh 1 Januari hingga hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, daripada jumlah tersebut, hampir 50 peratus permohonan adalah dalam kalangan usahawan wanita yang menceburi industri asas tani seperti pembuatan kek dan kulim-muth.

Kata Tajuddin, sambutan yang diterima daripada usahawan muda terhadap insentif yang diberikan kerajaan tersebut juga semakin meningkat berbanding semasa mula diperkenalkan pada tahun 2014.

"Bagaimanapun, tahun ini kita hanya memperuntukkan RM15 juta bagi membantu 1,000 usahawan muda berbanding sebanyak 3,000 pada tahun lalu.

"Namun, jika permohonan daripada usahawan muda semakin meningkat, kita akan mempertimbangkan untuk menambah kuota penerima atau jumlah geran yang diperuntukkan itu," katanya pada sidang akhbar selepas menyerahkan bantuan geran IKC Program Agropreneur Muda kepada 451 penerima Peringkat Ne-



**TAJUDDIN ABDUL RAHMAN** (tengah) bersama penerima bantuan geran Agropreneur Muda di Arena Square Overstrang Indah, Pasir Salak, Perak, semalam. - BERHAMA

geri Perak di Arena Square Chenderong Balai, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan dan Pengarah Unit Agropreneur Muda dan Strategi Lautan Biru, Kebangsaan Kementerian Itu, Sukaili Samudin.

Tambah Tajuddin, seramai 5,223 agropreneur muda telah

mendapat manfaat daripada program tersebut dengan jumlah bantuan sebanyak RM17.852 juta dibekalkan kepada mereka dari Januari 2014 hingga 31 Disember tahun lalu.

Dalam pada itu, Tajuddin berkata, seramai 1,131 agropreneur muda di negeri ini pula telah mendapat bantuan geran IKC daripada Unit Agropreneur Muda (UAM) tahun lalu.

Beliau memberitahu, sebanyak RM19.54 juta telah diperuntukkan kepada semua penerima berkenaan dalam bentuk geran.

"Kementerian Industri Asas Tani (MOA), menerusi semua jabatan dan agensi di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat telah bekerjasama untuk membangunkan usahawan muda melalui program agropreneur muda ini," katanya.

## Warga Australia terselamat pesawat ringan terhempas

**KUANTAN 25 Feb.** - Sebuah pesawat ringan yang dikendalikan seorang lelaki warga Australia terhempas berhampiran Ladang Kampung Melati, Rompin, dekat sini petang ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 3.20 petang itu, juruterbangnya, Barry Allen Foster, 66, terselamat.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Azli Mohd. Noor berkata, pesawat itu dilaporkan terhempas semasa melakukan operasi meracun ulat bungkus di Pelda Koratong 2, Rompin.

"Mangsa bagaimanapun tidak mengalami kecederaan namun dibawa ke Pusat Kesihatan

Tun Razak untuk pemeriksaan kesihatan," katanya di sini hari ini.

Menurut Azli, pesawat ringan berkenaan milik Syarikat Wooray Air Services.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (JBPM) negeri, Mohd. Sani Harau berkata, pihaknya mendapat panggilan berhubung kejadian tersebut pada pukul 3.20 petang.

"Operasi mencari dan menyelamat (SAR) melibatkan Jajan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Muadzam Shah dan operasi terkawal pada

pukul 6.40 petang," katanya.



**ANGGOTA** Bomba dan Penyelamat berusaha menyelamatkan mangsa pesawat ringan yang terhempas berhampiran Ladang Kampung Melati, Rompin, Pahang, semalam. - HSIAN PASUKAN BOMBA DAN PENYELAMAT

## LKIM mahu luaskan pasaran ikan sejuk beku Q'Fish

**KUALA SELANGOR 25 Feb.** - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memperluaskan pasaran ikan sejuk beku Q'Fish dengan mewujudkan kios penjualan melalui beberapa medium yang telah dikenal pasti.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim (gambar) berkata, buat permulaan, sebuah kios penjualan Q'Fish telah diwujudkan di Kuala Selangor yang dikendalikan sendiri LKIM besa-

ma Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).  
Jelasnya, dengan adanya kios tersebut ia akan memudahkan orang ramai untuk membeli ikan Q'Fish, sekali gus memperluaskan pasarnya di negara ini.

"Kita mahu penjualan ikan Q'Fish ini diperluaskan ke seluruh negara terutamanya



meningkat khususnya daripada pengguna di bandar untuk ikan

di kawasan luar bandar melalui bajet RM12 juta yang telah diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini khususnya untuk pemasaran, pengedaran serta stok penimbal ikan sejuk beku ini.

"Selain itu, permintaan yang semakin meningkat khususnya daripada pengguna di bandar untuk ikan

sejuk beku ini juga mendorong kita untuk membuka lebih banyak kios Q'Fish.

"Mereka tahu ikan yang kita bekalkan ini berkualiti, segar dan bebas bahan pengawet kerana kita menggunakan teknologi dari Jepun," katanya ketika ditemui dalam majlis Jualan Sentuhan Rakyat dan program Pemberian Cemilan Mata Pericum, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ke-

tua Pengarah (Penggunaan) LKIM, Untong Keri dan Pengarah LKIM Selangor, Zulkarnain Asha'ari.

Tambah Irmohizam, selain penjualan melalui kios, pihaknya juga bercadang untuk memasarkan ikan Q'Fish di semua Kedai Rakyat (Masyarakat) (KRIM), secara dalam talian serta menggunakan mesin layan diri.

"Melalui kajian yang telah kita lakukan, terdapat permintaan untuk kita tempatkan mesin layan

diri yang menjual ikan Q'Fish di stesen-stesen Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) kerana mereka boleh membeli terus selepas pulang dari kerja," ujarnya.

Sementara itu, mengulas mengenai program jualan tersebut, beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, sebanyak dua tan ikan segar dan 1.5 tan ikan Q'Fish telah habis dilelong dalam program tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

### 3,500 mohon geran IKC

Rokiah Abdullah  
 rokiah.abdullah@utusan.com.my  
 26 Februari 2018 3:00 AM



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN (tengah) bersama penerima bantuan geran Agropreneur Muda di Arena Square Chenderong Balai, Pasir Salak, Perak, semalam. BERNAMA

PASIR SALAK 25 Feb. - Seramai 3,500 usahawan tani telah memohon geran Agropreneur Muda atau Geran In-Kind Contribution (IKC) bagi tempoh 1 Januari hingga hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, daripada jumlah tersebut, hampir 50 peratus permohonan adalah dalam kalangan usahawan wanita yang menceburi industri asas tani seperti pembuatan kek dan kuih-muih.

Kata Tajuddin, sambutan yang diterima daripada usahawan muda terhadap insentif yang diberikan kerajaan tersebut juga semakin meningkat berbanding semasa mula diperkenalkan pada tahun 2014.

"Bagaimanapun, tahun ini kita hanya memperuntukkan RM15 juta bagi membantu 1,000 usahawan muda berbanding sebanyak 3,000 pada tahun lalu.

"Namun, jika permohonan daripada usahawan muda semakin meningkat, kita akan mempertimbangkan untuk menambah kuota penerima atau jumlah geran yang diperuntukkan itu," katanya pada sidang akhbar selepas menyerahkan bantuan geran IKC Program Agropreneur Muda kepada 451 penerima Peringkat Negeri Perak di Arena Square Chenderong Balai, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan dan Pengarah Unit Agropreneur Muda dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan kementerian itu, Sukairi Samsudin.

Tambah Tajuddin, seramai 5,223 agropreneur muda telah mendapat manfaat daripada program tersebut dengan jumlah bantuan sebanyak RM117.852 juta diberikan kepada mereka dari Januari 2014 hingga 31 Disember tahun lalu.

Dalam pada itu, Tajuddin berkata, seramai 1,131 agropreneur muda di negeri ini pula telah mendapat bantuan geran IKC daripada Unit Agropreneur Muda (UAM) tahun lalu.

Beliau memberitahu, sebanyak RM19.54 juta telah diperuntukkan kepada semua penerima berkenaan dalam bentuk geran.

"Kementerian Industri Asas Tani (MOA), menerusi semua jabatan dan agensi di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat telah bekerjasama untuk membangunkan usahawan muda melalui program agropreneur muda ini," katanya.

"Ini menunjukkan komitmen kerajaan melalui MOA terhadap golongan muda bukan hanya di Malaysia malah juga di negeri ini dalam membantu mereka yang berminat dalam keusahawanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2//2018	SINAR HARIAN	SENTRAL	20

## LKIM akan perluaskan jualan ikan Q-Fish

KUALA SELANGOR - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bercadang mengguna pakai pelbagai kaedah dalam memperluaskan pengedaran dan penjualan ikan segar sejuk beku Q-Fish ke seluruh negara.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata langkah itu dibuat berikutan bekalan ikan tersebut mendapat permintaan tinggi daripada rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar.

"Dengan sambutan menggalakkan daripada rakyat, kita akan menambah lagi bekalan ikan ini bagi pasaran seluruh negara.

Selain mewujudkan kiosk jualan Q-Fish, kita juga bercadang meluaskan jualan menerusi pelbagai kaedah lain termasuk di Kedai Rakyat 1 Malaysia, online (dalam talian) dan menggunakan



**Kita juga cadang meluaskan jualan menerusi pelbagai kaedah termasuk di Kedai Rakyat 1 Malaysia."**

- Irmohizam

mesin vending yang ditempatkan di stesen LRT (Transit Alliran Ringan), katanya selepas menghadiri program Jualan Sentuhan Rakyat di perkarangan bangunan Umno Kuala Selangor di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata buat masa ini, jualan ikan itu banyak dibuat di beberapa lokasi terpilih termasuk di pasar tani dan lokasi program Jualan Sentuhan Rakyat.

Irmohizam berkata dengan memperluaskan lagi penjualan ikan tersebut ia

dapat memberi alternatif kepada rakyat dalam mendapatkan bekalan ikan dengan harga berpatutan.

"Tujuh jenis ikan Q-Fish seperti kembung, pelaling, selar yang kita tawarkan ini rasanya setanding ikan segar biasa. Selain tidak gunakan sebarang bahan pengawet, pembungkusan ikan ini juga dijaga bagi jamin kualiti," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2//2018	NEW STRAITS TIMES	NATION	4



**GOOD DISCOUNTS**

Kuala Selangor member of parliament Datuk Seri Dr. Ibrahim Light at the 'Jualan Sentuhan Rakyat' programme in Kuala Selangor yesterday. Household items are sold at lower prices during the programme. PIC BY MUHAMMAD SULAIMAN



DR Imohizam membuat telangan harga ikan sempena Program Jualan Sentuhan Rakyat dan Jualan Ikan Segar LKIM Parlimen Kuala Selangor di Kompleks UMNO Kuala Selangor, semalam.

## Perluas jualan

■ LKIM kaji kaedah pasar ikan segar sejuk beku Q'Fish

Siraj Mohd Zaini  
siraj@nstp.com.my

Kuala Selangor

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengkaji pelbagai kaedah bagi memperluaskanedaran dan jualan ikan segar sejuk beku Q'Fish ke seluruh negara.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Imohizam Ibrahim berkata, langkah itu berikutan bekalan ikan berkenaan mendapat permintaan tinggi daripada

rakyat khususnya yang tinggal di bandar.

Menurutnya, Q'Fish kini menjadi alternatif kepada masyarakat di bandar kerana ia bebas daripada bahan pengawet, menggunakan teknologi dari Jepun serta kaedah pembungkusan yang mudah untuk disimpan.

"Dengan sambutan menggalakkan, kita akan menambah bekalan ikan ini bagi pasaran seluruh

negara selain mewujudkan kios jualan Q'Fish dan bercadang meluaskan jaluannya menerusi pelbagai kaedah lain.

"Ia termasuk jualan di Kedah Rakyat 1Malaysia, malah dijual menggunakan mesin layan diri yang boleh ditempatkan di stesen Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT)," katanya selepas Program

Jualan Sentuhan Rakyat di pekarangan Bangunan UMNO Kuala Selangor di sini, semalam.

Imohizam yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, jualan Q'Fish hingga kini hanya dibuat di beberapa lokasi terpilih seperti di pasar tani dan lokasi program sentuhan rakyat yang dianjurkan di seluruh negara.

Kira-kira 1,000 penduduk memanjangi program itu yang menawarkan pelbagai barangan keperluan dengan harga lebih murah daripada pasaran.

### FAKTA

Diput permintaan daripada penduduk di bandar

## Tuah angka 2018

**Bukit Beruntung:** Angka 2018 membawa tuah kepada murid Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung (SKBB), Syaza Minhalina Md Fuzi, 7, apabila mengumpul sumbangan RM2,018 sepanjang program Bacathon SKBB yang berlangsung sebulan lalu.

Jumlah itu sekali gus menobatkan Syaza Minhalina sebagai juara kupitan amal tertinggi berbanding dua murid lain, Muhammad Fahlm Zikri Firdaus, 10, yang mengumpul sumbangan RM543 dan Nur Aha Bakis Bakari, 9, RM505.

Ketika ditemui, Syaza Minhalina berkata, dia tidak menyangka jumlah kupitan yang dibuat ber-



KAMALANATHAN menyampaikan hadiah kepada Syaza Minhalina di SKBB, semalam.

sama bapa, Md Fuzi Abd Lateh, 47, merekodkan sumbangan tertinggi.

"Saya tidak sangka diumumkan sebagai pemenang utama dan dapat hadiah basikal.

"Ayah (Md Fuzi) mem-

banjut mengutip sumba-

ngan daripada rakan se-

kerja, jiran dan kenalan di seluruh negara," katanya di sini, semalam.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan menyampaikan hadiah utama kepada Syaza Minhalina.

Kuala Kelang Bharu

## Tengkorak dalam longkang

Seorang lelaki terkejut apabila menemui tengkorak manusia di dalam longkang depan rumahnya ketika membersihkan halaman rumah di Kampung Melayu Rasa di sini, jam 11.20 pagi semalam.

Kawasan itu ialah Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa yang terbengkalai sejak lebih 20 tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Lim Bhak Fal berkata, ketika itu pemilik rumah berkenaan membersihkan semak sebelum menemui tengkorak di dalam longkang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2018	HARIAN METRO	BISNES	72

## Agrobank terus cemerlang

Agrobank sekali lagi menerima pengiktirafan di peringkat global apabila di anugerahkan sebagai pemenang kategori Pembangunan Ekonomi Tempatan oleh *Association Of Development Financing Institutions In Asia* (ADFIAP).

Majlis anugerah itu berlangsung di New Delhi, India dan disampaikan bagi mengiktiraf usaha pembangunan ekonomi oleh Agrobank terutamanya untuk Program Pembiayaan Cili Fertigasi-i di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPK-Kuala Langat).

Pemangku Tugas Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Masaat Awadz berkata, pihaknya amat berbesar hati dengan penganugerahan ini dan memberi motivasi demi membangunkan ekonomi masyarakat agro tempatan.

Katanya, program itu

adalah inisiatif berinovatif PPK dalam membangunkan perusahaan cili fertigasi dengan meningkatkan pembabitan dan pendapatan belia dalam perusahaan cili.

“Sebagai bank yang memahami keperluan komuniti pertanian, Agrobank sentiasa proaktif dalam menawarkan pembiayaan kewangan komprehensif untuk sektor pertanian yang merangkumi aktiviti hulu dan aktiviti hiliran,” katanya menerusi kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.

Agrobank sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan rakan strategik untuk sama-sama memajukan industri pertanian.

“Agrobank menawarkan pembiayaan dari RMI,000 sehingga RM50,000 tanpa perlu cagaran untuk peserta projek fertigasi cili ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2//2018	KOSMO	NEGARA	18

## Program Jimat Belanja Dapur anjuran FAMA dapat s

**PEKAN** - Program Jimat Belanja Dapur (JBD) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diadakan di pekan-angan Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini semalam mendapat sambutan hangat daripada pengunjung.

Program yang diadakan sempena majlis pelancaran Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) peringkat kebangsaan itu turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melakukan tinjauan di tapak program berkenaan.

Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, program berkenaan merupakan langkah kerajaan menangani kos sara hidup selain mendidik rakyat agar



berbelanja secara berhemah.

"Kita menawarkan kepada pelanggan bukan sahaja harga barangan yang murah tetapi juga berkualiti selaras dengan konsep Berkualiti Tinggi Dengan Harga Mampu Beli," kata beliau pada program JBD sempena Penganjuran Mobile CTC dan Pemberian Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BRIM) oleh Perdana Menteri semalam.

Turut hadir Menteri Besar Pa-

hang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurut beliau, menerusi program tersebut, JBD menawarkan 27 barangan keperluan terpilih seperti ikan, ayam, sayur dan buah-buahan dengan potongan harga antara lima dan 20 peratus.

Kata beliau, program JBD telah diadakan secara mingguan di setiap tapak pasar tani seluruh negara dengan ayam standard dijual RM6.99 sekilogram berbanding harga biasa RM8.

NAJIB melihat pelbagai sayuran yang dijual di gerai FAMA yang mengadakan jualan Jimat Belanja Dapur di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah, Pekan semalam. Turut kelihatan Adnan (dua dari kanan) dan Badruddin (kanan).





# Khidmat penyiasatan tanah Jabatan Pertanian



Oleh DATUK JAMAL HARIZAN YANG RAZALI  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pertanian Malaysia

**J**ABATAN Pertanian memainkan peranan penting dalam memberi khidmat naasih kepakaran pengurusan tanah berselesaian dengan perannya sebagai pemegang amanah maklumat tanah dan guna tanah negara.

Selring dengan tanggungjawab itu, pihak jabatan menawarkan perkhidmatan penyiasatan tanah yang bertujuan untuk mengenal pasti jenis tanah dan potensinya untuk sektor pertanian.

Khidmat lain yang ditawarkan ialah khidmat naasih kesuburan dan pemuliharaan tanah, khidmat analisis makmal dan membekalkan maklumat geospasial tanah dan guna tanah.

Di Semenanjung Malaysia, perkhidmatan ini disediakan oleh Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah terletak di Wisma Tani Putrajaya dan 10 unit lain di 10 buah negeri kecuali Perlis yang di bawah tanggungjawab unit Kedah.

Perkhidmatan yang serupa juga disediakan oleh negeri Sabah dan Sarawak dan diselia oleh Jabatan Pertanian negeri masing-masing.

Sebagai pemegang amanah kepada maklumat tanah, Jabatan Pertanian berperanan memetakan pelbagai jenis tanah di seluruh negara pada tiga peringkat iaitu penyiasatan tanah tinjauan, penyiasatan tanah separa lengkap dan penyiasatan tanah lengkap.

Ketiga-tiga jenis penyiasatan tanah ini dibezakan oleh intensiti perمتان dan tujuan siasatan tanah tersebut dijalankan.

Peta tanah yang menunjukkan taburan jenis tanah di sesuatu kawasan dapat dihasilkan daripada maklumat penyiasatan tanah, seterusnya membantu dalam perancangan projek pertanian di kawasan tersebut.

Maklumat yang diperolehi daripada kerja-kerja penyiasatan tanah akan digunakan untuk menghasilkan laporan kesesuaian tanah yang merangkumi sifat-sifat tanah secara fizikal dan kimia, masalah-masalah pada tanah, jenis-jenis tanaman yang sesuai, berpotensi dan tidak sesuai ditanam serta amalan-amalan pengurusan tanah yang perlu dijalankan.

Pada tahun 2017 sahaja, Jabatan Pertanian telah menyediakan 900 laporan kesesuaian tanah melibatkan kawasan seluas 77,038.4 hektar.



SESI perbincangan hasil penemuan sifat-sifat fizikal dan kimia tanah perlu dilakukan bagi mengenal pasti kesesuaian tanah untuk tanaman dan perancangan projek pertanian di kawasan terbit.

Permohonan ini datangnya daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, insitituti pengajian tinggi, pakar perunding pihak swasta, pelajar dan individu untuk pelbagai tujuan seperti permohonan tanah baharu, permohonan tukar syarat tanah, pembangunan ladang, kajian impak alam sekitar (EIA) dan penyelidikan.

## Bayaran

Bagaimanapun, perkhidmatan penyiasatan tanah berserta laporan kesesuaian tanah ini dikenakan bayaran berdasarkan akta Fee 1961, Perintah Fee (Femeriksaan Tanah) (Pindaan) 1966.

Jumlah bayaran dikenakan ialah sebanyak RM120 bagi pemrosesan dan kadar sehektar adalah antara 50 sen ke RM40 bergantung kepada jenis siasatan yang diperlukan dan keadaan kawasan yang dipohon sama ada telah dibangunkan atau masih dalam keadaan hutan dan semak.

Sebagai pemegang amanah maklumat tanah negara, Jabatan Pertanian juga berperanan mendaftarkan semua jenis tanah. Jenis tanah ini disebut sebagai siri tanah.

Secara amnya, siri tanah didefinisikan sempena nama tempat ia mula dijumpai dan sifatnya tidak menyerupai mana-mana siri tanah lain dalam rekod Jabatan Pertanian.

Sebagai contoh, tanah Siri Bungor yang terbentuk daripada batuan syal, berstruktur lempung berpasir halus dan tanahnya dalam mula-mula dijumpai di sekitar Paya Bungor, Kuantan, Pahang.

Tanah yang mempunyai sifat-sifat yang sama akan turut dipetakan sebagai Siri

Bungor walaupun dijumpai di tempat-tempat lain.

Sehingga kini, Jabatan Pertanian telah mendaftarkan lebih 300 siri tanah yang dijumpai di seluruh Semenanjung Malaysia.

Bagi tujuan latihan dalam bidang pengelasan tanah, pihak jabatan turut menganjurkan program Korrelasi Tanah yang disertai oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian, agensi kerajaan, penyelidik, penyarah dan lain-lain pihak yang berkefahaman.

Kepada pelanggan Jabatan Pertanian yang ingin memohon khidmat penyiasatan tanah, bolehlah memajukan permohonan ke Jabatan Pertanian sama ada terus ke Ibu Pejabat di Putrajaya atau kepada unit-unit negeri dengan menyertakan peta kadestra, nombor lot tanah, peta lokasi atau lain-lain maklumat yang boleh menunjukkan secara jelas lokasi dan keluasan kawasan yang hendak dijalankan siasatan tanah.

**KERJA-KERJA** mengenal pasti lapisan tanah dan sifat fizikalnya dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sesuatu kawasan dijadikan tapak pertanian.

■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian 03-6570 3042/3090 dan e-kemuka 03-Serah 3099 atau melayan portal Jabatan Pertanian Malaysia di [www.dku.gov.my](http://www.dku.gov.my)

**LUBANG** penghurutan profil tanah dibuat bagi mengenal pasti sifat tanah seluas luasnya untuk aktiviti pertanian.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2018	SINAR HARIAN	BISNES	1



# Mahu Mardi terus relevan



**I**nstitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkuatkuhnya pada 28 Oktober 1969 dan berprestasi sepenuhnya pada 1971. Institut ini ditubuhkan bertujuan memana dan mempromosikan teknologi baharu, waja dan efisien untuk kemajuan industri makanan, pertanian serta industri Asia Tenggara.

Sebagai sebuah institusi penyelidikan, MARDI melalui proses evolusi untuk terus menjadi relevan dengan dan membina perkhidmatan seiring perkembangan masa kini. Institut ini melalui proses transformasi lebih berdaya saing dan berkesan dengan fungsi organisasi untuk pembiayaan kepada negara.

Sesuai dengan peredaran masa, serikat hampir 40 tahun, MARDI dituntut dengan 10 perubahan. Pertama dan transformasi MARDI meminati ke arah institusi ke arah kebajikan yang bersejati. Keperluan.

MARDI berdaya saing dan dapat pembangunan kepimpinan, pematuhan sistem pemerintahan dan perkhidmatan ke arah penyempurnaan teknologi, serta pengurusan kualiti menyeluruh dan budaya kesetiaan untuk bagi mencapai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor berkata, MARDI kini berminat sebagai pusat pengumpulan, penyediaan maklumat dan kemahiran bersejati dengan perkhidmatan sains, teknologi dan inovasi yang berkaitan dengan industri makanan dan pertanian serta industri Asia Tenggara.

MARDI memajukan penyelidikan dan teknologi pertanian dan sosial melibatkan pengurusan, pemantauan dan penyempurnaan operasi tanaman pertanian, getah, kelapa sawit dan koko, terutamanya dan

makanan serta perkhidmatan campuran," katanya.

Mohamad Roff yang berpengalaman selama 30 tahun bersama MARDI ribitkan tanggungjawab untuk meminati MARDI bersama dan berdaya saing Ketua Pengarah, Dr. Rozhan Abu dan seorang lagi yang sedia ada, Dr. Kamarul Hameed.

"Saya mencetuskan amarah yang dipertanggungjawabkan kepada MARDI untuk memulakan penyelidikan dalam bidang makanan dan pertanian dan industri Asia Tenggara. Usaha penyelidikan MARDI menghasilkan pelbagai jenis dan

klas tanaman baru dan kaedah pengurusan. Saya mahu MARDI terus relevan dan unggul dalam memberikan

>>MS 2



### SENARAI PENGARAH & KETUA PENGARAH MARDI

- Dr. A.H. Mosenan
- Dr. Anwar Mahmod
- Tan Sri Mohamad Jamal
- Datuk Mohd Faruq Yusop
- Tan Sri Dr. Mohd Yusof Hashim
- Datuk Dr. Md Shafiq Ahmad
- Datuk Dr. Saharun Anang
- Datuk Dr. Abdul Shukur Abdul Rahman
- Datuk Dr. Shafiq Hanon
- Datuk Dr. Mohamad Roff

4 Bumiputera masih terkebelakang



3 Pengurusan strategi perusahaan



3 Galaxy Note8 paparan Infiniti 6.3 inci



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2//2018	SINAR HARIAN	BISNES	2

# Fokus tingkatkan penyelidikan & inovasi

**S**ering visi untuk menerajui penyelidikan dan inovasi agro-makanan negara, Datuk Dr Mohamad Roff memberi fokus dalam meningkatkan penyelidikan yang berpotensi agar memberi impak besar kepada masyarakat dan negara.

Katanya, Mardi beri tumpuan kepada sumber kekayaan baharu (SKB) sektor agro makanan yang merupakan sasaran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak seperti diumumkan pada pembentangan Bajet 2018 yang melandaikan sektor pertanian salah satu sektor penting seiring sektor lain.

"Program yang diselenggarakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MARA) itu membolehkan peruntukan RM188 juta melaburkan pembangunan industri ternusu, jagung bijian, kelapa, durian, nenas, galakan pemasaran dan eksport serta kuliner.

"Penyelidikan tertumpu kepada beberapa komoditi seperti jagung, tenusu, jagung bijian dan kajian berkaitan durian untuk dipasarkan ke China. "Kita juga menghasilkan enam jenis kelapa baharu iaitu Karina dan Karini sesuai dijadikan minuman manakala selebihnya untuk santan," katanya.

Beliau berkata, Mardi akan mempertingkatkan kemudahan sedia ada di beberapa stesennya untuk memacu agrotourism. Antaranya di Langkawi, Cameron Highlands, Cherating, Kuala Kangsar, Klang dan Kuala Linggi. Ia membolehkan industri ternakan, tanaman kelapa, diotourism, produk kecantikan dan kesihatan, herba dan penghasilan pati minyak.

"Kami sasarkan konsep yang dibangunkan di setiap stesen Mardi ini siap pada 2019," katanya. Tambahnya, Mardi turut mempunyai Stesen Pusat Kecemerlangan padi di Seberang Prai dan Pusat Kecemerlangan Buah-buahan di Sintok, tanaman ubi di Pusat Kecemerlangan Bachok, kelapa di Pusat Kecemerlangan Bagan Datuk dan ternakan di Stesen Kecemerlangan Klang.

Beliau optimis konsep ini memacu misi Mardi untuk merajai teknologi dan pengetahuan industri bagi kelestarian sektor Agro Makanan, dan merajai kewangan.

### Mardi ada kepakaran

Selari dengan teras perubahan Mardi untuk memajukan sektor makanan, pertanian dan industri asas tani melalui perijanaan, pemindahan dan pengkomersialan yang dihasilkan daripada aktiviti penyelidikan, pastinya Mardi mempunyai tenaga pakar dalam

Mardi menerusi pelajaran.

Beliau juga mahu memastikan Mardi terus kukuh sebagai pusat perkhidmatan perundingan, makmal analitis, jaminan kualiti serta R&D kontrak.

Mohamad Roff berkata, Mardi juga turut mengkalakan hubungan dengan organisasi awam atau swasta dalam dan luar negara yang terlibat dalam penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani. "Kita menjalankan penyelidikan

Mardi yang terletak di Sebang, Selangor.



### INFO

#### TERAS PEMBANGUNAN & PENYELIDIKAN MARDI

- Tanaman
- Ternakan
- Teknologi Makanan
- Sumber Strategik
- Bioteknologi
- Pengurusan Ekonomi dan Teknologi
- Pemindahan dan Pengkomersialan Teknologi
- Marditech Corporation Sdn Bhd

bidang penyelidikan. "Kita ada 2,800 orang dan seramai 500 daripadanya adalah saintis penyelidik. 70 darinya mempunyai Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang yang dipanggilkan di 32 buah stesen penyelidikan di seluruh negara.

"Hasil penyelidikan Mardi dimanfaatkan petani, peladang, penternak, usahawan dan syarikat swasta yang membawa kepada peningkatan hasil dan kualiti pengeluaran," katanya. Beliau berkata, Mardi juga mengutamakan modal insan antaranya, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai penyelidik

dan pengeluaran berbentuk komersial, mempromosi dan mengkalaploitasi penemuan penyelidikan serta perkhidmatan pengembangan kepada industri makanan dan pertanian serta industri asas tani," katanya.

### Sasar bangunkan kilang tanaman

Bagi memenuhi keperluan pertanian pada 2050, Mardi memasarkan untuk membangunkan kilang tanaman. "Kilang tanaman tersebut dibina dalam bangunan dan membolehkan generasi muda yang menjadi petani pada masa depan tidak perlu mengeluarkan kos yang banyak untuk menguruskan ladang dan menyediakan tenaga buruh. Kilang tanaman itu hanya dikawal oleh petani itu sendiri.

"Ia hanya menggunakan aplikasi. Teknologi ini sudah dibangunkan oleh seorang usahawan yang menjalankan tanaman kale di Kuala Lumpur," katanya. Selain itu, Mardi juga turut membangunkan robotik dalam Industrial Revolusi IR4.0 dan akan melancarkan untuk memetik tomat pada program pertanian terbesar negara, Maha nanit.

### Lahirkan usahawan

Di Mardi, teknologi ICT dimanfaatkan dalam pengurusan dan pengendalian ladang seperti teknologi penanaman tepat bagi tanaman padi serta penganggaran hasil tanaman menerusi teknik pengimejan.

Katanya, teknik baharu juga dimajukan untuk pengurusan alam sekitar dan sumber pertanian terutamanya air, tanah dan sumber geretik dengan lebih celap. "Selain melaksanakan R&D secara kontrak, Mardi menyediakan khidmat teknikal dan pembangunan usahawan dengan memberi khidmat nasihat, perundingan, latihan teknikal, khidmat makmal dan pengesahan mutu, pembangunan produk dan proses serta peningkatan teknologi," katanya.

Sekarang ini, Mardi membangunkan 438 usahawan hingga berjaya meng-ekspor produk mereka ke luar negara. "Mardi akan bersama usahawan bermula daripada percambahan idea sehingga produk dihasilkan didaftarkan jenamanya di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

"Kita juga bantu rakyat yang berada di bawah garis kemiskinan melalui program Azam Tani," katanya. Mardi menyasarkan beberapa produk baharu akan dihasilkan pada tahun ini antaranya tiga jenis padi, minuman peganu, tomat tanah rendah dan robotik.

**“**Hasil penyelidikan Mardi dimanfaatkan petani, peladang, penternak, usahawan dan syarikat swasta yang membawa kepada peningkatan hasil dan kualiti pengeluaran.”

- Mohamad Roff



Headline	Urges Penang government to support aquaculture business		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	26 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	59,667
Page No	B8	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,041
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,123



## 吴清良：淡汶受暴风劫打击 吁槟政府助养殖业者

(威南 25 日讯)槟州养殖公会主席拿督吴清良呼吁槟州政府能够在权限范围内帮助灾户重新站起来。他也呼吁农业部发放所承诺的 50 万援助金。

“也希望当地州议员拿督刘子健议长据理力争，最少给予海上临时地契 3 年或 5 年的优惠，而且这是非常重要的鼓励。”

他指出，在灾难发生后，农业部长亲巡灾区后公布拨款 50 万令吉援助金，他希望该部可以自动的兑现这笔款项。

他透露，根据渔业部报告，警方共接获 115 户投报，然而武吉淡汶海域是重灾区，被严重打击的是逾 20 户。对于为何出现 115 户投报的情况，他本身也不解，可能一些养殖场也面对轻微的损失吧！

“该会也希望当局可以协助提供免利息贷款，更相信农业部在这方面可以给予配合，以让海上养殖业有机会重新站起来。这是我的最大愿望。”

他是周六晚上出席淡汶天公宫神诞宴时，在受邀请致词时，作如是透露。

### 5 家业者决定收盘

另一方面，他也说，淡汶海上养殖业在去年的暴风劫后



拿督吴清良：望槟州政府权限范围内帮助灾户。农业部也应该配合协助提供免利息贷款重振事业。

就出现一蹶不振的窘境，目前至少有 5 家业者决定收盘，这是非常严重的问题。当时淡汶业者所面对的总损失是 4000 万令吉。去年 11 月初的暴风可以说是业者历年以来面对最严重苦难。

他也指出，该会在上个月和槟州渔业局进行会议，当时该局的局长也出席同参与，一起磋商如何重振淡汶业者。

他也补充说，武吉淡汶是我国第一个开始养殖水产的海域，当时是响应前副农业部长吴清德的号召，因海上水产已逐渐减少。其实近年以来，消费者所尝到的桌上美味鱼佳肴，都是来自养殖业的贡献。然而海上养殖业是最艰难、高风险行业，所以在受到灾难打击后，非常需要各造政府单位的援助。#



淡汶海上养殖业者暴风劫后，有 5 家业者决定收盘。

Headline	Federal Govt continues to ensure Labuan's economic growth		
MediaTitle	New Straits Times (Sabah and Sarawak)		
Date	26 Feb 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	24,000
Page No	1	Readership	72,000
Language	English	ArticleSize	231 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,549



## DEVELOPMENT

# Federal Govt continues to ensure Labuan's economic growth

**LABUAN:** The Federal Government will not turn a blind eye to the future of Labuan's economic development after more than three decades of the duty-free island's establishment as part of the Federal Territories.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Check said Labuan, which served as the international financial services and oil and gas centre, had always been cared for in the best pos-

sible way by the Federal Government.

"We do not want to see Labuan lagging. It is like a child who has been handed over by the mother to the father (Federal Government).

"Thus, it is the responsibility of the father to safeguard the child's wellbeing.

"For us, safeguarding Labuan is like pampering a child.

"Many may see it as spoiling (the child), but we need to shower

love upon Labuan.

"Thus, when the child is in pain, we have to make sure the child is well-cared for," he said after launching the handover of crop incentive and the "Sentuhan Kasih Tani" programmes at the Kilan Agricultural Park here on Friday.

He said Labuan should shift to another sector that could generate its economy for the long term and not solely rely on the oil and gas sector.

"The announcement by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak to build a bridge from Labuan to Sabah is a game changer for the transformation of the Labuan economic landscape."

He said his ministry would also play a role in helping Labuan in its economic transformation through fisheries and agricultural development projects.

"We want to ensure that plans to turn Labuan into a tourism destination will be achieved with

sufficient supply of diversified food and fruits."

He said his ministry would also reduce the dependency on food supply, such as vegetables and fruits from Sabah, which led to a rise in food prices on the tax-free island due to transportation costs.

Prior to that, he presented incentives totalling RM423,100 to six agricultural development programmes involving 896 participants. **Bernama**

Headline	`No report of illegal fishing, smuggling in Miri waters so far this year`		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	26 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	89,224
Page No	2	Readership	267,672
Language	English	ArticleSize	294 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,009
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,027



## 'No report of illegal fishing, smuggling in Miri waters so far this year'

**MIRI:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has succeeded in bringing down the number of cases involving illegal fishing and smuggling in Miri waters since last year.

MMEA District 13 (DM13) director Capt Md Fauzi Othman said the agency has not received any report or complaint from the public so far this year on any of the two illegal activities.

"There has been a significant drop in illegal fishing activities by foreign fishermen. We have carried out over 30 inspections (this year) and there has been no arrest thus far.

"However, we will continue to monitor the situation and we need cooperation from the public to give us information and feedback if they come across any illegal activity taking place in our waters," he said when met at the MMEA DM13 Open Day yesterday, held in conjunction with the district's 13th anniversary.

Md Fauzi said although there was no report on illegal fishing activities in Miri waters, the agency did receive complaints



Md Fauzi (second right) leads the cutting of a 'pulit kuning' (yellow glutinous rice) cake to mark the event.

over the presence of a China Coast Guard (CCG) vessel at Beting Patinggi Ali – also known as Luconia Shoals – located just 84 nautical miles off the coast here.

"We do send our ships there to show our presence, and there has

been no disturbance by the CCG towards fishermen near Beting Patinggi Ali," he said.

On the open day programme, Md Fauzi thanked all agencies and members of the public who had come to support the event.

Among the activities held were exhibitions by government agencies such as Sarawak Forestry Corporation, Miri Fisheries Department and Miri Insolvency Department, as well as a drawing contest for children.